



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-30

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

24 November 2020



PENGENALAN

1. Saya berharap semua rakyat Malaysia sentiasa sihat dan akan terus mematuhi SOP dalam menjalani kehidupan harian, selaras dengan usaha untuk membendung peningkatan kes COVID-19.
2. **Laporan LAKSANA Ke-30** ini akan didahului dengan ulasan berhubung status pelaksanaan PENJANA dan KITA PRIHATIN, dan seterusnya disusuli dengan ulasan mengenai isu semasa. Manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
- Memperkasakan Rakyat;
 - Melonjakkan Perniagaan; dan
 - Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit khas buat kumpulan B40**. Mereka yang layak adalah terdiri daripada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan berdaftar yang berumur 40 tahun dan ke atas. Di antara tempoh 1 Julai sehingga 13 November 2020, sebanyak **153,440** tuntutan diterima dengan jumlah **RM13.98 juta**.
5. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**. Secara keseluruhannya, sehingga 13 November 2020, seramai **78,317 pekerja** (peningkatan daripada 74,141 minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **62,860 orang di bawah umur 40 tahun, 9,963 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 344 orang kelainan upaya (OKU) dan 5,150 perantis**.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
13 November	62,860	9,963	344	5,150	78,317
6 November	59,539	9,370	336	4,896	74,141
30 Oktober	56,315	8,743	331	4,724	70,113
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	178	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

6. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Sehingga 13 November 2020, seramai **118,715 individu telah diluluskan** (peningkatan daripada 115,876 minggu lalu) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Menurut data yang diperolehi, antara kursus-kursus yang mendapat permintaan yang tinggi adalah seperti berikut:

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Gig Economy
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

7. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA bagi terus membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 13 November 2020, sebanyak **4,937 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM1.033 bilion.**
8. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion.** Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan dengan COVID-19. Kadar pembiayaan sebanyak 3.5% ini dapat membantu usahawan sektor pelancongan dari segi modal kerja dan perbelanjaan modal sehingga 7 tahun bagi tempoh pembiayaan. Setakat 13 November 2020, terdapat **478 PKS yang telah menyerahkan permohonan mereka,** dan daripada jumlah ini sebanyak **208 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM41.8 juta.**
9. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBRS) khas untuk PKS Mikro.** Sehingga 13 November 2020, sebanyak **RM86.7 juta** telah disalurkan di bawah TBRS yang telah membantu **13,042 PKS Mikro.**
10. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sehingga 13 November 2020, sebanyak **RM197.7 juta** telah disalurkan kepada **5,570 PKS Mikro merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan.**

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

11. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dan makanan melalui **suntikan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan.** Daripada jumlah peruntukan sebanyak **RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.** Sehingga 13 November 2020, sebanyak **RM45.2 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **4,953 PKS Mikro pertanian.**

12. **Kedua, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan. Sebagai langkah Kerajaan dalam memastikan sektor pelancongan dan perhotelan dapat bertahan dan kembali pulih seperti sediakala, Kerajaan telah bersetuju memberikan lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang dikendalikan oleh pengendali premis penginapan mulai **1 September 2020 hingga 30 Jun 2021**. Setakat 13 November 2020, nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **nilai RM727.4 juta**. Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya: kedua-dua inisiatif telah bermula dan akan tamat pada 31 Jun 2021.
13. **Ketiga, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi.** Bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara, Kerajaan turut memperkenalkan pengecualian duti eksport sehingga 100% ke atas industri berasaskan minyak sawit. Antara manfaat daripada langkah cukai ini secara langsung akan dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Setakat 13 November 2020, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak **RM301.1 juta**.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

14. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)** yang bertujuan meringankan beban 7.5 juta penerima B40 serta 3.1 juta penerima M40 melalui pemberian bantuan tunai secara *one-off*. Setakat ini, pembayaran Fasa Pertama sejumlah RM4.5 bilion telah berjaya disalurkan kepada lebih 9.86 juta penerima, merangkumi 7 juta penerima daripada kategori B40 dan 2.86 juta penerima daripada kategori M40. Bagi penerima BPN 2.0 yang tidak mempunyai akaun bank, penunaian telah mula disediakan di cawangan Bank Simpanan Nasional mulai 26 Oktober 2020.
15. Tempoh permohonan baharu serta rayuan BPN 2.0 telah berakhir pada 15 November 2020. Sehubungan itu, pembayaran Fasa Kedua beserta bayaran kepada permohonan baru dan rayuan yang lulus akan dibuat dalam bulan Januari 2021.

16. **Kedua, bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP)** pula, semalam, saya telah mengumumkan bahawa pemohon boleh menyemak status permohonan dari tarikh **27 November 2020**, manakala pembayaran dijangka bermula pada 30 November 2020. Sebanyak 304,000 PKS Mikro layak bakal menerima bantuan *one-off* berjumlah RM3,000 dengan **bayaran keseluruhan sebanyak RM912 juta**.
17. **Ketiga, Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0)** yang telah bermula sejak Oktober 2020. Setakat 13 November 2020, sebanyak RM148.22 juta telah dibelanjakan bagi membantu sebanyak 30,492 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 247,035 pekerja.

ULASAN ISU SEMASA

18. Hari ini saya terpanggil untuk menjelaskan tentang inisiatif Belanjawan 2021, yang akan melalui proses pengundian di Dewan Rakyat pada hari Khamis, 26 November. Ada pihak yang mempersoalkan usaha Kerajaan, contohnya penambahbaikan Bantuan Prihatin Rakyat, serta keberkesanan lanjutan Program Subsidi Upah dengan tanggapan bahawa Kerajaan kurang prihatin di dalam suasana pandemik ini.

19. **Dari segi bantuan langsung:**

- a. Tahun ini sahaja Kerajaan telah menyalurkan RM21 bilion kepada lebih 10 juta penerima melalui Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN).
- b. Melalui Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) bagi tahun 2021 pula, bantuan untuk isi rumah ditingkatkan kepada sehingga RM1,800 bergantung kepada jumlah tanggungan dan pendapatan.
- c. Peningkatan juga diberikan untuk kategori bujang yang layak dengan bantuan RM350, berbanding RM300 melalui BSH sebelum ini.

20. Di dalam Belanjawan 2021, selain BPR terdapat pelbagai lagi penambahbaikan untuk golongan rentan. **Secara keseluruhannya, bantuan langsung yang akan Kerajaan salurkan di dalam Belanjawan 2021 adalah berjumlah RM30.8 bilion.** Ini termasuk:

- a. Kadar Bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin yang ditingkatkan daripada kadar maksimum RM450 sebulan, kepada RM1,000 sebulan. Ini adalah peningkatan lebih 100 peratus.
- b. Rancangan Makanan Tambahan bagi pelajar dari keluarga B40 pula ditambahbaik, dengan bekalan susu ditingkatkan dari dua kali seminggu kepada setiap hari persekolahan, iaitu penambahbaikan 150 peratus dengan peruntukan RM420 juta.
- c. Selain itu, kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan.
- d. Kadar Bantuan Warga Emas, Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar pula dinaikkan daripada RM350 kepada RM500.
- e. Manakala Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

21. **Kerajaan juga menyokong golongan mudah terjejas baharu, contohnya seperti golongan M40 yang mengalami tekanan dari segi pendapatan.** Selain pelbagai penurunan dan pelepasan cukai, Kerajaan juga memudahcara perbelanjaan penting seperti kos berkaitan perubatan dan kesihatan dengan pelepasan cukai sehingga RM8,000 bagi kategori tertentu. Yang penting, bantuan pembayaran balik pinjaman juga dilanjut dan dipermudahkan untuk M40 yang masih terjejas. Manakala hampir kesemua sokongan dari segi pendapatan dan pekerjaan juga boleh dimanfaatkan oleh golongan ini.

22. **Menyentuh pula tentang pekerjaan;** komitmen dan usaha Kerajaan dalam menjana 500,000 pekerjaan pada tahun 2021 adalah menerusi pelbagai langkah yang berhubungkait, yang perlu dilihat secara holistik. **Tidak wajar setiap langkah dianalisa secara berasingan** kerana semua langkah-langkah ini telah dirangka untuk saling melengkapi antara satu sama lain di dalam usaha Kerajaan untuk menjana pekerjaan. Ini bukan sahaja dari segi Program Subsidi Upah (PSU); tetapi juga dari segi Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan yang dijangka menyokong 250,000 pekerjaan, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran untuk 200,000 pelatih, dan banyak lagi.

23. Dari segi Program Subsidi Upah (PSU), izinkan saya mengulas sedikit:

- a. Pada tahun ini sahaja, RM18 bilion telah diperuntukkan dan RM12.3 bilion telah diluluskan bagi menyokong lebih 2.6 juta pekerja dan lebih 320 ribu majikan setakat ini. Ini tidak termasuk bantuan kepada 200,000 pekerja melalui program pengambilan pekerja dan peningkatan kemahiran yang juga diperkenalkan sejak Mac lalu. Keseluruhannya, hampir 3 juta tenaga kerja kita telah dibantu melalui inisiatif Kerajaan sejak bulan Mac.
- b. Dalam isu ini, Kerajaan sentiasa responsif dengan keperluan semasa. Daripada tempoh 3 bulan dalam pakej Prihatin, PSU ini dilanjutkan selama 3 bulan semasa Prihatin PKS Tambahan dan seterusnya 3 bulan lagi semasa PENJANA dan akhirnya 3 bulan sekali lagi semasa KITA PRIHATIN.
- c. Tambahan lagi, PSU ini sebenarnya masih berjalan, dan permohonan bagi PSU masih dibuka sehingga hujung Disember 2020.

24. Manakala dalam **Belanjawan 2021**, Kerajaan juga mengambil langkah proaktif melalui:

- a. **Pertama**, tambahan RM1.5 bilion untuk 3 bulan yang dikhususkan kepada 70 ribu majikan dan 900 ribu pekerja sektor pelancongan dan peruncitan. Ingin saya tekankan bahawa sektor pelancongan dan peruncitan ini sangat meluas. **Penambahan ini dirangka bagi memastikan kesemua sub-sektor terbabit dan yang paling terkesan mendapat bantuan secukupnya.**
- b. **Kedua**, inisiatif untuk sektor-sektor lain juga ada, contohnya PKS dan PKS mikro di mana pelbagai saluran geran dan pembiayaan diperuntukkan di dalam Belanjawan ini.
- c. **Ketiga**, yang utama juga adalah pelan jangka sederhana Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran pekerja, dan usaha menganjak perniagaan kepada bidang dan pasaran baru. Inilah juga sebabnya Kerajaan bersedia memperuntukkan RM1 bilion sebagai pakej galakan pelaburan nilai tambah tinggi seperti aeroangkasa dan elektronik, dan RM3.7 bilion untuk menjana peluang pekerjaan dengan kerjasama pihak GLC dan swasta.
- d. **Keempat**, dana lebih RM9 bilion juga bakal diuruskan untuk memperkasa infrastruktur digital negara, termasuk menambahbaik kesalinghubungan 430 buah sekolah dan kawasan perindustrian, serta usaha menyediakan kemudahan alat elektronik mudah alih dan komputer riba untuk membantu perjalanan rakyat ke arah norma baharu kini.

25. Ingin saya nyatakan juga di sini bahawa **kesemua** bantuan langsung dan inisiatif untuk pekerjaan yang saya ulas setakat ini, termasuk inisiatif besar-besaran seperti Program Subsidi Upah dan *Special Relief Facility* - dengan jumlah **melebihi RM90 bilion untuk tahun 2020 dan 2021**, adalah disalurkan kepada semua rakyat, pekerja dan majikan **tanpa mengira bangsa atau agama. Sesiapa saja boleh memohon, tidak kira Melayu, Cina, India, Iban, Orang Asal, Kadazan, atau mana-mana rakyat Malaysia.** Ini adalah sebahagian daripada agenda Kerajaan untuk menjamin setiap rakyat dapat mengecapi hasil pembangunan negara, selaras dengan semangat kemakmuran bersama menerusi Belanjawan bagi tahun 2021.
26. Secara keseluruhannya, saya yakin usaha Kerajaan akan meletakkan negara di landasan yang betul, dengan *track record* prestasi KDNK terbaik di kalangan beberapa negara Asean pada suku ketiga 2020, dan kadar pengangguran yang kian menurun.
27. Namun Kerajaan menyedari, realiti kesukaran Rakyat pada saat ketidaktentuan pandemik ini. Usaha kita sedikit sebanyak bergantung kepada kejayaan membendung COVID-19, dan jika Kerajaan dapat menjalankan tanggungjawab dengan lancar.
28. Adalah harapan saya agar Belanjawan ini diteliti oleh semua pihak dari segi intipatinya yang amat memberatkan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan. Kerajaan juga komited untuk memperhalusi cadangan-cadangan penambahbaikan, sambil mengimbangi setiap keperluan Rakyat.

PENUTUP

29. Kebelakangan ini, banyak tohmahan dan kritikan yang dilemparkan terhadap keprihatinan Kerajaan membela nasib rakyat lebih-lebih lagi menjelang Belanjawan 2021 menantikan kelulusan Dewan Rakyat pada 26 November. Saya mohon tuan-tuan dan puan-puan menilai sendiri komitmen Kerajaan yang terserlah melalui empat pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan dalam hanya 8 bulan, yang telah memanfaatkan berjuta keluarga, rakyat dan beratus ribu perniagaan. Malah, kita semua telah menerima manfaat, secara langsung atau tidak langsung.

30. Percayalah, nasib rakyat akan terus dibela oleh Kerajaan ini, lebih-lebih lagi dalam usaha membina momentum pemulihan ekonomi.
31. Akhir sekali, saya ingin mengingatkan supaya semua dapat meneruskan kawalan sendiri demi menjaga keselamatan bersama dan membantu dalam membendung penularan COVID-19 ini.
32. Sebelum berakhir, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:

*Mahsyur Sultan memakai mahkota,
Bersadur kencana berbintang lima;
Kukuh Belanjawan Teguhkan Kita,
Negara Sejahtera Menang Bersama!*

Sekian, wabillahitaufikwalhidayah. Assalamualaikum wbt. Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
24 November 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 13 November 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM12.66 bilion (peningkatan daripada RM11.69 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.76 juta penerima (peningkatan daripada 4.72 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 13 November 2020, sebanyak RM365.89 juta (peningkatan daripada RM360.37 juta minggu lalu) telah disalurkan berdasarkan 1,120,762 tuntutan (peningkatan daripada 1,089,125 minggu lalu) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																
3.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 13 November 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,378 PKS melibatkan jumlah sebanyak RM378.55 juta (tiada peningkatan daripada minggu lalu).																														
4.	Skim Kredit Mikro TEKUN	Setakat 13 November 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,238 PKS (peningkatan daripada 26,236 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.42 juta (peningkatan daripada RM199.41 juta minggu lalu).																														
5.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 13 November 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.07 bilion (peningkatan daripada RM11.02 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,586 PKS (peningkatan daripada 23,560 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>13 November</td><td>11.07</td><td>23,586</td></tr> <tr> <td>6 November</td><td>11.02</td><td>23,560</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	13 November	11.07	23,586	6 November	11.02	23,560	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																														
13 November	11.07	23,586																														
6 November	11.02	23,560																														
30 Oktober	10.87	23,305																														
25 September	10.67	22,984																														
28 Ogos	10.3	22,440																														
Julai	9.6	21,410																														
Jun	8.4	19,539																														
Mei	6.9	16,833																														
April	1.5	3,636																														